

AKHBAR : BERITA HARIAN

DUN Selangor tiada kuasa ambil tindakan penghinaan luar dewan

● Mahkamah berpendapat ketetapan Dewan Undangan Negeri tak ikut Perlembagaan

► Putrajaya

Mahkamah Persekutuan semalam, memutuskan Perlembagaan Negeri Selangor tidak mempunyai peruntukan bagi Dewan Undang Negeri (DUN) mengambil tindakan penghinaan terhadap seseorang yang dilakukan di luar sidang DUN negeri berkenaan.

Berikutan itu, panel lima hakim dipengerusikan Hakim Besar Malaya, Tan Sri Zulkifli Ahmad Makinudin, mendapati DUN Selangor melangkaui bidang kuasanya apabila ia mengemukakan saman terhadap peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun untuk menjawab tuduhan menghina Dewan.

Mohd Hafarizam menerima saman pada 12 April 2011, meminta beliau hadir pada perbicaraan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN menjawab tuduhan menghina Dewan kerana didakwa menghantar surat tuntutan undang-undang kepada peguam mewakili Speaker DUN Selangor ketika itu, Datuk Teng Chang Khim meminta bayaran RM40,000 bagi kos perundangan berkaitan satu perintah mahkamah.

Denda RM20,000

Chang Khim pada 19 Jun 2011, mengisytiharkan kerusi DUN Pelabuhan Klang kosong, selepas mendakwa bekas ADUN Pelabuhan Klang, Badrul Hisham Abdulah tidak hadir sidang DUN selama enam bulan tetapi Mahkamah Tinggi Shah Alam, membatalkan

perintah itu pada 18 Februari 2013 dan memerintahkan Chang Khim membayar RM40,000 sebagai kos perundangan kepada Badrul Hisham. Mohd Hafarizam mewakili Badrul Hisham pada masa itu.

Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN kemudiannya menderang saman itu dan mendera Mohd Hafarizam RM20,000 kerana menghina walaupun Mohd Hafarizam tidak hadir di hadapan jawatankuasa berkenaan.

Dalam penghakimannya, Zulkifli berkata DUN harus bertindak

berdasarkan perlembagaan dan kuasa undang-undang sebelum ia boleh dilindungi daripada sebarang campur tangan oleh mahkamah mengikut Perkara 72(1) Perlembagaan Persekutuan dalam meluluskan resolusi perbuatan penghinaan yang dilakukan di luar sidang Dewan.

Beliau berkata, perayu iaitu DUN Selangor, Setiausaha Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN, Mohamad Yasid Bidin dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN gagal menunjukkan peruntukan yang terpakai dalam Perlembagaan negeri Selangor yang mereka putuskan ketika meluluskan resolusi untuk mengeluarkan saman terhadap Mohd Hafarizam.

Tiada peruntukan

"Kami lihat dalam kes ini di bawah perintah tetap Dewan dan Enakmen Penghinaan Dewan (negeri Selangor) mendedahkan, tiada peruntukan yang menetapkan untuk penghinaan yang dilakukan di luar

sidang dewan," katanya.

Selubungannya itu, katanya, mahkamah berpendapat ketetapan yang dibuat terhadap peguam itu mendakwa beliau melakukan penghinaan dan merujuk Mohd Hafarizam kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN adalah tidak mengikut perlembagaan.

"Kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Malaysia adalah terhad oleh Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri masing-masing," katanya.

Tolak rayuan perayu

Panel itu yang turut dianggotai Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Suriyadi Halim Omar, Tan Sri Hasan Lah, Tan Sri Zaimun Ali dan Datuk Aziah Ali sebulat suara menolak rayuan perayu untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan yang membuat keputusan memihak kepada Mohd Hafarizam.

Mahkamah juga memerintahkan perayu membayar RM30,000 sebagai kos perundangan kepada Mohd Hafarizam.

Di luar mahkamah, Mohd Hafarizam berkata beliau bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada peguamnya, Datuk Feroz Hussein Ahmad Jamaluddin dan menambah keputusan Mahkamah Persekutuan semalam memberisihkan namanya.

Bagaimanapun, beliau kecewa dengan Majlis Peguam yang tidak menghantar wakilnya untuk kes itu kerana beliau juga adalah ahli Majlis Peguam.

BERNAMA